



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**7 OKTOBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 820 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 203,488 kes. Sebanyak 15 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Sandakan dan Tawau, dua (2) kes di Lahad Datu manakala Beluran, Nabawan, Keningau, Kinabatangan, Kunak, Semporna dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 948 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 189,242 orang. Manakala 2,577 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,067 orang di hospital, 1,486 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 19 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala lima (5) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 138 orang merangkumi 121 di ICU/repurposed kritikal care serta 17 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 48 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 228 (58.46%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes di Sabah meningkat semula hari ini iaitu kepada (820) kes yakni tambahan (+30) kes berbanding semalam.
- b. Jumlah daerah yang mencatatkan peningkatan kes adalah 15 daerah, sembilan (9) daerah lagi mencatatkan penurunan dan tiga (3) daerah kekal dengan catatan sebagaimana semalam.
- c. Kota Kinabalu kekal dengan catatan tertinggi kes iaitu (103) kes manakala kes terendah adalah Kalabakan yang hanya mencatatkan dua (2) kes.
- d. Daerah lain yang mencatatkan peningkatan kes dengan ketara ialah Kota Belud (+37) kes, Papar (+18) kes, Tenom (+14) kes, Telupid (+14) kes dan Pitas (+10) kes.
- e. Daerah yang mencatatkan penurunan tertinggi ialah Kota Marudu (-43) kes, Ranau (-27) kes dan Beluran (-14) kes.
- f. Jumlah kes melalui Saringan Bergejala adalah tinggi. Sebanyak 38.66% daripada jumlah kumulatif kes pada hari ini berpunca daripada Saringan Bergejala yang sinonim dengan kes-kes sporadik. Ini satu petanda bahawa virus ini sudah berada dalam komuniti secara meluas dan amatlah penting agar semua penduduk sentiasa mematuhi SOP.
- g. Trend kes di Sabah dijangka akan berterusan dalam keadaan 'turun-naik' dalam masa terdekat. Apabila virus sudah berada ditengah-tengah komuniti, jangkitan sporadik akan mudah berlaku dan turun-naik jumlah kes harian banyak dipengaruhi oleh sikap dan tahap pematuhan masyarakat kepada SOP.
- h. Walaupun Sabah mencatat penambahan jumlah kes hari ini, 93.78% daripada jumlah tersebut adalah Kategori 1 dan kategori 2 yang lazimnya hanya memerlukan rawatan sendiri di rumah atau di PKRC. Hanya terdapat empat (4) kes dalam Kategori 3, dua (2) kes dalam Kategori 4 dan tidak ada kes dicatatkan hari ini dalam Kategori 5.

i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (443) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	317	38.66%
3	Kontak	443	54.02%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain	60	7.32%
<b>JUMLAH</b>		<b>820</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (06 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 06/10/2021</b>	<b>Catatan Kes 07/10/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Kota Belud	43	80	+37
2	Papar	29	47	+18
3	Tenom	30	44	+14
4	Telupid	2	16	+14
5	Pitas	23	33	+10
6	Penampang	17	25	+8
7	Keningau	40	48	+8
8	Kinabatangan	13	18	+5
9	Kuala Penyu	5	10	+5
10	Tambunan	14	19	+5
11	Kudat	26	31	+5
12	Tuaran	44	48	+4
13	Tongod	9	11	+2
14	Nabawan	16	18	+2
15	Kota Kinabalu	102	103	+1
16	Tawau	22	22	Mendatar
17	Kunak	15	15	Mendatar
18	Semporna	10	10	Mendatar
19	Kota Marudu	86	43	-43
20	Ranau	65	38	-27
21	Beluran	24	10	-14
22	Sandakan	50	43	-7
23	Sipitang	20	15	-5
24	Kalabakan	6	2	-4
25	Lahad Datu	48	44	-4
26	Putatan	15	12	-3
27	Beaufort	16	15	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>790</b>	<b>820</b>	<b>+30</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (23 September – 06 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	42	47	0	14	103	1,455
Kota Belud	0	38	32	0	10	80	675
Keningau	0	33	14	0	1	48	889
Tuaran	0	35	12	0	1	48	657
Papar	0	18	23	0	6	47	492
Lahad Datu	0	25	19	0	0	44	953
Tenom	0	26	18	0	0	44	457
Kota Marudu	0	14	27	0	2	43	802
Sandakan	0	19	20	0	4	43	785
Ranau	0	21	16	0	1	38	806
Pitas	0	21	10	0	2	33	375
Kudat	0	19	9	0	3	31	367
Penampang	0	15	9	0	1	25	514
Tawau	0	6	14	0	2	22	495
Tambunan	0	19	0	0	0	19	170
Nabawan	0	11	4	0	3	18	287
Kinabatangan	0	13	5	0	0	18	352
Telupid	0	12	4	0	0	16	154
Beaufort	0	9	5	0	1	15	230
Sipitang	0	13	2	0	0	15	195
Kunak	0	10	4	0	1	15	159
Putatan	0	6	5	0	1	12	307
Tongod	0	5	1	0	5	11	152
Semporna	0	1	7	0	2	10	149
Beluran	0	4	6	0	0	10	259
Kuala Penyu	0	8	2	0	0	10	64
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	66
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>443</b>	<b>317</b>	<b>0</b>	<b>60</b>	<b>820</b>	<b>12,266</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tiada Kes Kluster		

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,791 unit

- Hospital 1,961 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,130 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 37.95%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 7 OKTOBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	811
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	4
Orang Dalam Tahanan /Banduan	5
<b>Jumlah</b>	<b>820</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	2
Sarawak	1
Kelantan	1
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	793
Bukan Malaysia	27
<b>Jumlah</b>	<b>820</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	140
Belum Menerima Vaksin	146
Menerima 1 Dos	73
Lengkap 2 Dos	461
<b>Jumlah</b>	<b>820</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	14
1 to 5	59
6 to 11	67
12 to 17	65
18 to 25	116
26 to 59	420
>60	79
<b>Jumlah</b>	<b>820</b>



### C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 07 Oktober 2021)
1	Ranau	3
2	Keningau	1
3	Kota Belud	1
4	Tambunan	1
5	Telupid	1
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>

### D PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh PKPD Ditamatkan
1.	Kampung Rompon, Tambunan	24 September 2021	Ditamatkan pada 7 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Pangkalan Abai, Kota Belud	25 September 2021	Ditamatkan pada 8 Oktober 2021 seperti yang dijadualkan

### E STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 6 Oktober 2021 adalah seramai 25,879 orang. Daripada jumlah ini, seramai 21,196 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 4,683 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 6 Oktober 2021 adalah seramai 2,350,890 orang. Ini meliputi 2,064,544 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 74.8% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 1,877,980 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,875,255 orang atau 68.0% adalah penduduk dewasa.

3 Seramai 286,346 orang atau 67.2% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 2,725 atau 1.0% orang setakat ini.

## **F BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **641,399** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **G LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

1 Sejumlah 39 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 17,056 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 40 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 62 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak 15 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- 10 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- Tiga (3) Orang : Rentas Negeri/Daerah Tanpa Kebenaran
- Satu (1) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 142 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,209 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.

- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 306 premis perniagaan dan 454 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Cafe De Vie Branch, Metro Town (1 Orang), Mr. DIY Sdn. Bhd., Metro Town (1 Orang), AA Stationary Sdn. Bhd., Metro Town (1 Orang), M2 Restoran, Metro Town (1 Orang), Genz, Metro Town, (1 Orang), Everyday Gourmet Sdn. Bhd., Lucy's Kitchen (1 Orang), Michelle Lazar, Lintas (1 Orang) dan Yoyo, Lintas Plaza (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 318 Premis Perniagaan melibatkan 166 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 122 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 20 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 144 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 52 hebahan di seluruh Sabah.

## H KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98%
2	Tenom	98%
3	Semporna	97.5%
4	Kudat	97.5%
5	Tawau	97.5%
6	Sandakan	97%
7	Kunak	97%
8	Beaufort	97%
9	Beluran	97%
10	Lahad Datu	97%
11	Keningau	97%
12	Kota Belud	97%
13	Penampang	97%
14	Kota Kinabalu	97%
15	Ranau	97%
16	Tuaran	97%
17	Sipitang	97%
18	Kinabatangan	96.5%
19	Papar	96.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**